



Wartawan BH menemui ramah penduduk di luar sekolah UNRWA di Talel Hawa, Gaza City. [FOTO/IHSAN/MERCY]

Derita belum berakhir

INFO

Peta kawasan penempatan di Gaza

SYRIA
LUBNAN
JORDAN
ISRAEL

Erez
BEIT HANOUN
Kem Shati
Bandaraya Gaza
GAZA
Karni
DEIR AL BALAH
LAUT MEDITERRANEAN
ISRAEL

» Konflik Gaza rentap nilai, harga diri rakyat Palestin

Syed Azwan Syed Ali
syedazwan@bh.com.my
Gaza

Konflik di Gaza, kira-kira tujuh minggu lalu, bukan hanya merampas harta benda dan ahli keluarga yang syahid. Ia juga merentap nilai dan harga diri penduduk Palestin, khususnya mereka yang hilang tempat tinggal dan terdesak untuk meneruskan kehidupan.

Mereka pasti sukar melupakan detik hitam ketika dihujani peluru berpandu yang dibedil Zionis. Malah,

Semalam, saya sempat berkunjung ke sekolah Agensi Bantuan dan Pekerjaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNRWA) di Talel Hawa, Gaza City.

Di sekolah rendah UNRWA yang dibina Bahrain, sekolah sama dilawati Setiausaha Agung PBB Ban Ki-Moon ketika melawat Gaza Selasa lalu, kira-kira 3,000 pelarian Palestina dari Shujaiya, kawasan yang teruk dibedil Israel, berlindung di situ.

Minta wang

Di situ saya yang pada awalnya menemui seorang wanita di luar sekolah itu, dikerumuni pelarian lain, sehingga dinasihatkan untuk beredar dari kawasan itu.

Ada juga pelarian yang mula memegang dan menarik saya sambil menunjukkan isyarat tangan dengan menyuapkan makanan ke mulut dan mula meminta wang.

Ketika itu wakil Mercy Malaysia, Dr Khamis Ellesi yang bertindak selaku penterjemah cuba meredakan keadaan dengan memberitahu kepada pelarian bahawa saya adalah wartawan yang menulis, bukannya memberi wang.

Nisrin Bakr Neizi, 36, yang sudah lebih 90 hari berlindung di sekolah itu mendakwa makanan di situ tidak cukup.

“Saya ada 13 ahli keluarga di sini, mereka hanya beri makanan sekali sehari,” dakwanya yang enggan dirakam gambar.

Dalam hiruk-pikuk itu, seorang lagi pelarian Wael Khalil Ibrahim, 40, juga dari Shujaiya, mengangkat tangan





BH 18/10/14
MS 10

Runtuhan bangunan
sekitar Shujaiya **yang
teruk dibedil Israel.**

[FOTO SYED AZWAN
SYED ALI/ BH]

ketika berdiri di satu sudut runtuhan bangunan di sini, saya dapat bayangkan jeritan penduduk yang masih hidup ketika itu, cuba memanggil ahli keluarga yang mungkin tidak sempat menyelamatkan diri sebelum rebah terkena peluru berpandu musuh.

Berat rasa hati untuk saya menyatakan perkara ini, namun hakikatnya inilah yang berlaku di Gaza pasca perang Israel-Hamas yang tamat 26 Ogos lalu, sehingga menyebabkan lebih 100,000 hilang tempat tinggal.

Pelarian Palestin dari Shujaiya **yang hilang tempat tinggal**, Wael Khalil Ibrahim, menunjukkan bekalan makanan untuk keluarganya.



sambil berkata 'itu tidak benar'.

"Makanan ini cukup," kata Wael Khalil yang mempunyai sembilan ahli keluarga sambil menunjukkan beberapa tin makanan dan air minuman yang dibawa dalam plastik.

Tak penting diri

Seorang lagi pelarian, Rabia Abdil Shamala, 50, pula meminta saya membantunya yang cedera di kaki kanan.

Pengarah Serantau Mercy Malaysia bagi Asia Barat, Afrika Utara dan Eropah, Norazam Ab Samah yang berada di situ mula menaiki kenderaan ketika keadaan semakin tegang, hanya tinggal Dr Khamis menemani penulis.

Saya pernah memasuki Gaza pasca perang 2008-2009 dan 2012, namun tidak pernah mengalami perkara seperti ini, malah mengagumi warga Palestin yang berhemah dan tidak mementingkan diri.

Ketika kami beredar, Dr Khamis berkata, 'bukan semua orang Palestin seperti ini, mereka terdesak dan hilang segala-galanya', ketika ada pelarian masih mengetuk cermin kenderaan merayu simpati.



Warga Palestin **menaiki keldai** di Deirbalah di tengah-tengah Pekan Gaza.

“

Bukan semua orang Palestin seperti ini, **mereka terdesak dan hilang segala-galanya**”

Khamis Ellesi,
Wakil Mercy Malaysia



Sekolah UNRWA di Talel Hawa, Gaza City yang **menjadi tempat berlindung** 3,000 pelarian Palestin dari Shujaiya.





Norazam melihat ambulans **sumbangan Mercy Malaysia** kepada Patient Friends Benevolent Society di Gaza City, semalam.

Mercy Malaysia bantu penduduk

Gaza City: Persatuan Bantuan Perubatan Malaysia (Mercy Malaysia) komited untuk menyalurkan RM10 juta dalam bentuk bantuan kemanusiaan kepada penduduk Palestin di Gaza.

Bantuan kemanusiaan itu meliputi program jangka pendek dan jangka panjang serta pembukaan pejabat operasi Mercy Malaysia di Bangunan Al Amal Centre, Khan Younis.

Ia termasuk RM1.5 juta bantuan makanan dan ubatan yang telah disalurkan Mercy Malaysia pada fasa kecemasan Ogos lalu, antaranya bantuan makanan kepada 2,000 keluarga di Gaza yang dikendalikan dengan kerjasama Agensi Bantuan

dan Pekerjaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNRWA).

Pengarah Serantau Mercy Malaysia bagi Asia Barat, Afrika Utara dan Eropah, Norazam Ab Samah, berkata fasa seterusnya akan membabitkan program jangka panjang seperti program psikososial, program rehabilitasi, baik pulih bangunan dan projek bekalan air bersih.

Pasukan perubatan

Katanya, Mercy Malaysia juga bercadang untuk menghantar pasukan perubatan dalam masa terdekat, tertakluk kepada kelulusan pihak berkuasa Mesir yang mengawal sempadan Rafah.

“Kita berterima kasih kepada Mesir kerana membuka laluan Rafah kepada badan kemanusiaan luar untuk bantu mereka yang memerlukan di Gaza,” katanya kepada *BH* di sini, semalam.

Rabu lalu, dua anggota misi kemanusiaan Mercy Malaysia, termasuk wakil *BH*, berjaya masuk ke Gaza melalui sempadan Rafah bersama 13 doktor dan sukarelawan dari Algeria.

Misi itu menjadi badan kemanusiaan pertama dari Malaysia yang memasuki Gaza selepas konflik Hamas-Israel tamat 26 Ogos lalu yang menyaksikan lebih 2,100 warga Palestin terkorban, manakala lebih 70 terbunuh di Tel Aviv akibat bedilan roket Hamas.

Faktor keselamatan

Duta Besar Malaysia ke Mesir dan Palestin, Datuk Ku Jaafar Ku Shaari, ketika ditemui di Kaherah berkata, Kerajaan Mesir tidak menghalang mana-mana pihak dari memasuki Gaza melalui Rafah.

Bagaimanapun, Mesir berhati-hati dalam memberi kelulusan perjalanan ke Rafah berikutan faktor keselamatan di utara Sinai akibat ancaman militan.

“Dakwa kononnya kita dihalang masuk tak benar. Perkara ini sebenarnya membabitkan soal keselamatan,” kata Ku Jaafar yang memasuki Gaza bagi menghantar bantuan kemanusiaan Malaysia bersama Presiden Kelab Putera 1Malaysia, Datuk Seri Abdul Azeez Abdul Rahim dan Duta Palestin ke Malaysia, Dr Anwar Al Agha, ketika perang masih aktif, Ogos lalu.